

**NO. SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 26 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan selepas penyemakan budget, apakah peruntukan bagi penyelenggaraan termasuk kelengkapan seperti mesin angiogram dan MRI di hospital awam. Apakah langkah efektif untuk memastikan semua mesin berjalan dengan baik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah Peralatan Angiogram yang masih berfungsi di hospital-hospital kerajaan sehingga kini adalah sebanyak 20 unit dengan kos pembelian sebanyak RM 74,609,414.16. Sebagai langkah yang efektif, penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah secara komprehensif melibatkan penyelenggaraan berjadual, pembaikan kerosakan merangkumi penggantian alat ganti dan sebagainya. Jumlah

keseluruhan kos penyelenggaraan bagi peralatan Angiogram untuk tempoh setahun adalah sebanyak RM 8,617,387.34.

Manakala bagi peralatan MRI, jumlah peralatan MRI yang masih berfungsi di hospital-hospital kerajaan sehingga kini adalah sebanyak 30 unit dengan kos pembelian sebanyak RM 140,384,212.56 serta kos penyelenggaraan setahun sebanyak RM 27,023,960.92.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan komprehensif untuk memastikan peralatan perubatan di hospital/institusi dalam keadaan yang baik. Ia merangkumi:

- i. Testing & Commissioning;*
- ii. Scheduled Maintenance;*
- iii. Unscheduled Maintenance;*
- iv. Decommissioning & Disposal ; dan*
- v. Technical Supports.*

Program penggantian peralatan dilaksanakan secara berterusan setiap tahun secara berperingkat terhadap peralatan yang telah mencapai jangka hayat dan uzur.